



## NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Maran dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) dengan Gred, kategori dan pengkhususan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Butir-butir Tawaran	Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen Sebutharga	Tarikh Dan Tempat Lawat Tapak	Tarikh Pembelian
MDM / SH / 17 / 2022	Penyelenggaraan Jalan Dan Longkang Di Pekan Awah, Maran, Pahang Darul Makmur	<b>Gred Pendaftaran G1</b>  Kategori Kejuruteraan Awam (CE)  Pengkhususan CE21	<b>RM10.00</b>  (Tunai/Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Atas nama Yang DiPertua Majlis Daerah Maran	<b>31.03.2022 (Khamis) hingga 07.04.2022 (Khamis)</b>  Kontraktor dibenarkan melawat sendiri kawasan atau tapak cadangan projek yang dinyatakan dalam sebutharga ini.  Sesi lawatan tapak ini <b>tidak diwajibkan.</b>	<b>31.03.2022 (Khamis) hingga 06.04.2022 (Rabu)</b>  8:30 pagi hingga 4:00 petang  dan <b>07.04.2022 (Khamis)</b>  8:30 pagi hingga 11:30 pagi  di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Maran.

2. Kontraktor hendaklah mengamalkan penjarakan sosial, kerap cuci tangan dengan air dan sabun / penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah diwajibkan. Kontraktor hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk melawat tapak, pembelian serta penyerahan dokumen sebutharga. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang urusan pergerakan bagi kontraktor yang berada di Luar Daerah Maran.
3. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **Kontraktor yang sah dan hanya penama syarikat sahaja** dibenarkan membuat pembelian sebutharga. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Asal Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK)** yang dikeluarkan oleh CIDB serta **Sijil Asal Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK semasa membuat pembelian sebutharga.
4. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Maran pada **07 April 2022 (Khamis) selewat-lewatnya jam 12:00 tengahari**. Pihak Majlis tidak akan menerima dokumen sebutharga yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan. Majlis Daerah Maran juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**" TELITI PASTI BERKUALITI "**

Saya yang menjalankan amanah,

**Wan Norizan binti Wan Badaruzzaman, PKC.**

**Setiausaha**

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Maran

Tarikh : 23 Mac 2022